

Tinjau ladang cili Syarikat ECO Nadi Agrobiz

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

TUTONG, Rabu, 9 Januari. - Seramai 32 orang pelajar Tahun 3 dan 4 dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berpeluang mengadakan lawatan ke Ladang Cili Syarikat ECO Nadi Agrobiz yang terletak di kawasan Kemajuan Pertanian, Kampung Sinaut, Tutong pada Ahad, 6 Januari lepas.

Lawatan yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Ekonomi dan Kewangan Islam (iFESS) itu turut disertai oleh Pemangku Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Mohammad Zaki bin Haji Zaini dan pensyarah

FEKIm UNISSA lainnya.

Syarikat ECO Nadi Agrobiz mula beroperasi pada tahun 2014 yang diusahakan oleh Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili, iaitu salah seorang pengusaha pertanian tempatan yang berjaya.

Awang Haji Ayub kemudiannya menerangkan serba sedikit mengenai pertanian dari perspektif Islam dan seterusnya menerangkan cara penanaman pokok cili menggunakan sistem fertigasi yang mudah dilakukan di kawasan luar rumah. Beliau juga membuat tunjuk ajar penanaman yang dimulakan dengan pemasangan

sistem fertigasi dan kemudiannya memindah tanam anak pokok cili di atas batas. Para peserta kemudiannya dibawa menyaksikan cara membuat arang daripada sekam dan kayu / biomas yang digunakan untuk menanam anak pokok cili.

Di kesempatan ini, beliau menyeru kepada belia muda yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian agar merebut peluang yang ada dan memulakan apa saja jenis tanaman, walaupun bermula secara kecil-kecilan di rumah masing-masing.


Dengan tekad dan azam yang kuat ujarinya, penanaman secara kecil-kecilan ini akan semakin membesar sehingga mampu diusahakan ke tahap skala komersial.



PEMANGKU Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Zaki bin Haji Zaini menyampaikan sijil penghargaan kepada Awang Haji Muhd. Ayub bin Haji Suhaili.

Jumlah Perdagangan Oktober 2018 meningkat 50.7 peratus

Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



JUMLAH perdagangan pada bulan Oktober 2018 meningkat kepada BND1,406.8 juta berbanding BND933.6 juta pada bulan Oktober 2017, iaitu peningkatan sebanyak 50.7 peratus tahun-ke-tahun.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Januari. - Jumlah perdagangan pada bulan Oktober 2018 meningkat kepada BND1,406.8 juta berbanding BND933.6 juta pada bulan Oktober 2017, iaitu peningkatan sebanyak 50.7 peratus tahun-ke-tahun.

Jumlah eksport meningkat pada kadar 47.0 peratus tahun-ke-tahun kepada BND855.4 juta (Oktober 2018) daripada BND582.0 juta (Oktober 2017). Ini disebabkan oleh peningkatan jumlah eksport Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli (LNG). Eksport Minyak Mentah naik sebanyak 28.9 peratus tahun-ke-tahun berikutan harga purata yang meningkat daripada

USD59.52 setong kepada USD82.49 setong. Manakala, eksport LNG naik sebanyak 60.7 peratus tahun-ke-tahun disebabkan peningkatan isi padu daripada 861,566 MMBtu sehari kepada 877,559 MMBtu sehari dan kenaikan harga purata daripada USD7.30/MMBtu kepada USD11.38/MMBtu.

Jumlah import mencatatkan peningkatan sebanyak 56.8 peratus tahun-ke-tahun kepada BND551.4 juta (Oktober 2018) daripada BND351.6 juta (Oktober 2017). Lima komoditi import utama adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (40.5 peratus) diikuti oleh Barang-Barang Keluaran Kilang (24.7 peratus),


Bahan Api Galian (9.3 peratus), Makanan (9.2 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (7.8 peratus).

Pada bulan Oktober 2018, pasaran eksport terbesar adalah Negara Jepun, iaitu sebanyak 40.7 peratus diikuti oleh Republik Rakyat China (16.6 peratus) dan Thailand (13.9 peratus).


Dari segi import mengikut negara asal, sumbangan terbesar adalah dari Republik Rakyat China sebanyak 38.3 peratus diikuti oleh Singapura (16.5 peratus) dan Amerika Syarikat (13.5 peratus).

Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan

Lima Komoditi Import Utama, Oktober 2018



Peratus Taburan Eksport Mengikut Negara Destinasi, Oktober 2018



'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan

penyempurnaan penuh IMTS bagi bulan Oktober 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE di www.depd.gov.bn.